

30 JUN 2001

Mahathir-Islam

PAS DAN DAP TIDAK SEPAKAT DALAM NEGARA ISLAM, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 30 Jun (Bernama) -- Pertelingkahan antara DAP dan PAS mengenai negara Islam menunjukkan kedua-dua parti tidak sepakat dalam isu itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"DAP dan PAS memang tidak serasi...satu nak yang ini dan yang satu nak yang lain."

"Pakatan ini orang kata sebagai `perkongsian antara perompak'..lama-lama berkelahi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen ke 10 Umno Selangor di sini, hari ini.

Ditanya mengenai dakwaan yang pertelingkahan antara DAP dan PAS dalam isu ini didalangi Barisan Nasional (BN), Dr Mahathir berkata: "Mereka boleh kata apa yang mereka mahu."

"DAP harus benarkan PAS untuk menubuhkan negara Islam yang mana mahkamah sivil dimansuhkan dan mereka kemudian boleh bicara Lim Kit Siang dalam Mahkamah Syariah," kata beliau.

Ditanya mengenai desas-desus yang satu demonstrasi akan diadakan semasa kunjungan beliau ke Universiti Malaya (UM) esok, Perdana Menteri berkata: "Saya akan pergi...yang ini milik semua orang...saya juga ada hak dalam universiti itu.

Sementara itu, apabila ditanya mengenai perlantikan semula Koffi Annan sebagai Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Dr Mahathir berkata Malaysia menyokong perlantikan itu.

Mengenai prestasi Kofi Anan pula, Perdana Menteri berkata di bawah keadaan seperti itu mana-mana setiausaha agung akan mendapati sukar untuk menjalankan tugas.

"Jadi sangat sukar bagi beliau melakukan apa yang difikirkan sebagai betul. Beliau terpaksa melakukan apa yang diarahkan oleh yang lain," katanya.

-- BERNAMA

RIZ SHS SR PR